

Ucapan oleh Leonid Brezhnev ketika menerima Hadiah Antarabangsa Lenin Bagi Keamanan, 11 Julai, 1973

Ahli-Ahli Jawatankuasa Antarabangsa yang dihormati,
Rakan-rakan dan Sahabat-sahabat yang dihormati,

Saya sangat-sangat terharu hari ini untuk menerima Hadiah Bagi Meneguhkan Keamanan di Kalangan Rakyat-Rakyat.

Bagi saya, seorang Kominis, tidak ada penghakiman yang lebih tinggi terhadap hasil pekerjaan seseorang itu selain daripada hadiah yang membawa nama Lenin yang agung, ia seorang guru kami, seorang pembuat teori yang bergeliga, dan seorang negarawan yang mahir dan berpandangan jauh. Berilah saya peluang untuk menyatakan rasa terima kasih yang ikhlas kepada Jawatankuasa Antarabangsa bagi menganugerah satu penghormatan yang begitu tinggi untuk saya.

Dasar luar Soviet Union adalah hasil pemikiran yang disatukan dan atas usaha Parti Kominis kami. Oleh kerana demikian saya mensifatkan pemberian Hadiah Lenin kepada saya sebagai satu penghormatan yang diberi untuk seluruh Parti kerana jasa-jasa yang ditunjukkannya, sebagai satu pengiktirafan antarabangsa bahawa dasar yang dijalankan oleh Jawatankuasa Pusatnya adalah betul. Dan saya gembira bahawa, sebagai seorang anggota Parti, saya dapat mengambil bahagian dalam perjuangan untuk **tujuan-tujuan** besar bagi mengujudkan satu keamanan yang kekal dan keselamatan yang berpanjangan bagi negara-negara tujuan-tujuan yang mana golongan pekerja di tempat lain juga sedang berusaha untuk mencapainya.

Bagi kami rakyat Soviet, perjuangan bersungguh-sungguh untuk keamanan bukanlah satu yang sementara semata-mata kerana detik ketika menghendaknya. Adalah menjadi dasar kami yang berperinsip, bersungguh-sungguh dan sejajar, yang kami usahakan dengan disertai oleh sokongan bulat yang berkekalan dari semua negara masyarakat sosialis.

Dengan memikirkan sedalam-dalamnya terhadap kemajuan sosial di masa akan datang, Marx telah menulis bahawa bila masyarakat pekerja membina masyarakat sosialis mereka sendiri, "undang-undang antarabangsa mereka ialah Keamanan, kerana pemerintah kebangsaannya ialah sama di mana-mana — Buruh (K. Marx F. Engels, Selected Works, Vol. 2, muka surat 193-94).

Rakyat Soviet telah membangun satu masyarakat sosialis dan hari ini sedang membangunkan fahaman kominisma, satu sistem yang akan secara sepenuhnya melahirkan kebolehan-kebolehan kreatif manusia. Ia adalah suatu yang dapat difahami mengapa Parti kami, yang sedang mendahului usaha, tidak ada tandingnya dalam sejarah, untuk membangun masa hadapan, dan mengapa rakyat kami, yang telah menyatakan kepercayaan kepada Parti dan sedang melaksanakan tugas yang membina dengan menggunakan tangan-tangan mereka sendiri, dengan tegasya mengutuk peperangan dan kekerasan dan menyeru supaya diwujudkan satu keamanan yang berguna, kekal bagi semua rakyat di dunja.

Adalah satu yang sangat difahami bahawa bagi rakyat Soviet konsep satu keamanan yang adil dan bagi satu dasar keamanan tidak dapat tidak perlu dihubungkan dengan nama pemimpin dan guru agung kami, pengasas Parti dan negara kami iaitu Vladimir Ilyich Lenin. Lenin ialah orang yang pertama dalam sejarah menyatukan teori kominisma sains dengan pelaksanaan dasar luar negeri. Penyataan teori-teori dan amalan-amalan Lenin telah membawa kepada prinsip-prinsip dan kaedah-kaedah yang menjadi landasan dasar sosialis dalam arena antarabangsa yang mana kami, murid-murid dan pengikut-pengikutnya, akan dan akan sentiasa dibimbing olehnya.

Pada hari ini prinsip-prinsip dasar luar Soviet telah diketahui oleh seluruh dunia. Ia adalah satu dasar bagi memajukan terus perpaduan yang berkekalan di kalangan negara-negara masyarakat sosialis, satu dasar bagi menguatkan perikatan dengan rakyat-rakyat yang berjuang untuk pembebasan kebangsaan dan sosial, satu dasar hidup bersama di kalangan negara-negara yang mempunyai sistem-sistem sosial yang berbeza, dan satu dasar bertindak dengan penuh azam menentang kekerasan. Ia adalah satu dasar yang aktif, diplomasi yang lurus dihadapan, melaksanakan tanggungjawab-tanggungjawab dengan tegas dan tanpa gagal. Dasar ini adalah sejajar dengan kepentingan-kepentingan sosialisma, dan ia sepenuhnya selaras dengan kepentingan-kepentingan semua rakyat, dengan tujuan-tujuan serta keperluan-keperluan utama mereka.

Dalam memenuhi perintah pemimpin agung Lenin Kongres Parti kami yang ke 24 telah mengemukakan satu Rancangan Keamanan yang realistik dan seperti yang dibuktikan dari perkembangan-perkembangan yang mendatangkan hasil. Rancangan ini digerakkan oleh satu tujuan yang maha tinggi — untuk menentukan supaya angkasa sentiasa kosong, untuk menjadikan meriam-meriam akan didiamkan buat selama-lamanya dan untuk menggunakan roket-roket semata-mata untuk tujuan-tujuan keamanan, dan akan menggerakkan kuasa-kuasa nuklear yang tidak pernah berkeputusan itu bagi tujuan hanya untuk usaha-usaha yang membina, demi hanya untuk kebaikan dan kegembiraan rakyat pekerja. Kerana inilah sebabnya mengapa Rancangan Keamanan kami mendapat kehormatan dan pengiktirafan yang tinggi di kalangan para pekerja dan petani, di kalangan semua yang terlibat dalam kerja-kerja keamanan, dan dapat memenangi sokongan mereka yang berkesan dan semakin bertambah.

Adalah sentiasa menjadi pegangan pihak Kominis bahawa rakyat semua dan parti-parti dan pertubuhan-pertubuhan politik mereka hendaklah aktif dalam menyelesaikan persoalan-persoalan berkaitan dengan perang dan keamanan, dan bahawa dalam politik-politik dunia mereka hendaklah menjadi satu tenaga yang aktif dan bukannya pemerhati-pemerhati pasif. Suara rakyat hanya akan menjadi suatu halangan kepada mereka yang mahu mengekalkan ketegang-

an antara bangsa, dan pada waktu yang sama kuasa pandangan umum serta sokongan aktifnya hanya akan menolong kerajaan-kerajaan yang dengan bersungguh-sungguh memperjuangkan satu dasar keamanan.

Saya ingin mengambil peluang ini dengan kehadiran orang-orang terkemuka dalam kehidupan awam di sini — wakil-wakil dari kuasa-kuasa yang cintakan keamanan — untuk menunjukkan bahawa Soviet Union dengan sepenuh hatinya mengalu-ngalukan penyertaan yang semakin bertambah dari kuasa-kuasa ini dalam perjuangan untuk keselamatan antarabangsa. Kami yakin bahawa Kongres Dunia bagi kuasa-kuasa keamanan yang akan diadakan di Moscow tahun ini, akan menandakan satu peringkat penting dalam pergerakan awam bagi mempertahankan keamanan. Bagi kami, tuan, sahabat-sahabat sekalian yang dihormati mungkin akan pesti bahawa Kongres itu dan tujuan-tujuan serta tugas-tugasnya yang terhormat akan mendapat sokongan penuh dari kami.

Peringkat bagi mereka yang bertugas secara bersungguh-sungguh dan sepenuhnya bagi keamanan di kalangan negara-negara dan kerjasama keamanan antara semua negara dan rakyat telah berkembang dengan pesatnya setiap tahun. Ini adalah satu tanda yang sangat baik dan ia menyelubungkan dengan perasaan optimis. Pada hari ini saya ingin menyampaikan ucapan tahniah saya yang ikhlas pada rakan-rakan saya dalam perjuangan untuk keamanan, kepada rakan-rakan kita dan juga telah dianugerah Hadiah Keamanan Lenin tahun ini. Saya maksudkan kepada Presiden Chile, Selbador Allende, pengarang Inggeris yang terkenal, James Aldridge, dan pemimpin terkemuka dari Uruguay dan pergerakan golongan pekerja antarabangsa dan Pengerusi Persekutuan Kesatuan Sekerja Dunia, Enrique Pastorino. Kami ucapkan kepada mereka semua, semua penyair-penyair dari Hadiah Keamanan yang membawa nama Lenin, kejayaan-kejayaan yang lebih lanjut dalam tugas mereka untuk kemanusiaan.

Telah pernah dikatakan diperkatakan dengan betul bahawa pengalaman ialah suatu ingatan, ingatan terhadap jenerasi-jenerasi. Pengalaman kita mengajar kita bahawa keamanan tidak datang dengan sendirinya. Ia perlu di-

perjuangkan. Kadang-kadang pengorbanan-pengorbanan yang sangat berat terpaksa dibuat untuk menjaga kemerdekaan dan kehormatan sesebuah negara, untuk mempertahankan setiap hak untuk hidup dan untuk menjadi tuar kepada tanah sendiri dan menentukan tentang masa hadapannya.

Selama limapuluh lima tahun yang lalu jenerasi pertama bagi rakyat Soviet telah memulakan perubahan yang revolusi bagi Russia. Pada hari ini Soviet Union adalah sebuah negara yang kuat dan bebas mara dengan penuh keyakinan ke arah fahaman komunis. Tetapi bolehkah seseorang ini melupakan bahawa bagi setiap lapan belas bulan dalam usaha mengujudkan keamanan dalam sejarah kita ada satu tahun peperangan atau usaha pemulihan selepas perang.

Sekarang adalah pertengahan musim panas, satu masa bila alam semula jadi menunjukkan semua kekayaannya tenaga kreatifnya yang tidak putus-putus. Dan dengat bersama-sama alam semula jadi kita telah bergembira dalam hidup dan merasakan sepenuhnya kegembiraan dalam kerja. Tetapi rakyat Soviet tidak pernah melupakan, atau mereka akan melupakan, bahawa pada satu hari di musim panas seperti inilah, dalam masa tigapuluh dua tahun yang lampau, letupan-letupan bom-bom dan peluru-peluru telah menggelapkan sinar matahari.

Daripada mulanya hingga ke hari akhir peperangan Satu. berjuta-juta dari pejuang-pejuang saya, melalui banyak jalan-jalan di barisan hadapan, atau, untuk lebih tepat melalui medan-medan perang tanpa sebarang jalan. Hat saya kembang dengan kemegahan yang amat sangat kerana contoh-contoh keberanian rakyat Soviet dalam masa Perang Patriotik. Pada waktu yang sama, saya merasa sedih mengenangkan mereka yang telah mati dalam keberanian di medan perang, tentang mereka yang terbunuh dalam kem-kem penjara nazi atau luput dalam letupan-letupan bom musuh di rumah-rumah sendiri.

Bukan sahaja bentuk keadaan masa hadapan bagi rakyat kami dan masa hadapan bagi negara kami yang berada dalam bahaya dalam tahun-tahun tersebut tetapi juga masa depan bagi banyak negara dan beratus-ratus juta rakyat di negara-negara tersebut. Tidak ada seorang pun yang

mempunyai kuasa untuk melupakan bahawa mereka yang ada pada hari ini ujud dan memperoleh kebebasan atas hasil dari perjuangan rakyat Soviet, kerana negara Soviet dan kerana sistem sosialis yang agung.

Tahun lalu saya telah melawat ke banyak bahagian negara : rantau Novosibirsk, Altai, Uzbekistan dan Kazakhstan. Ini adalah satu tugas rasmi yang ada kaitannya dengan tanggungjawab ekonomi kebangsaan sekarang. Soal yang ada dalam tangan berhubung dengan musim menuai, pelaksanaan rancangan-rancangan dan bagaimana hendak mengatasi berbagai masalah ekonomi secara yang lebih baik dan lebih berkesan. Tetapi walau di mana dan apa sekalipun yang dipercakapkan — samada dalam pertemuan-pertemuan dengan rakyat yang memegang jawatan-jawatan tinggi dalam bidang ekonomi, di pusat-pusat penyelidikan, di ladang-ladang atau di kilang-kilang — satu perkataan yang pendek dan bererti iaitu keamanan sentiasa diutamakan.

Warganegara Soviet menghubungkan banyak perkara dengan perkataan ini : rasa cintanya terhadap hidup dan bumi ibundanya, dan kejayaan-kejayaannya dalam tenaga perburuhan yang kreatif bagi membangunkan satu masyarakat komunis di negaranya, dan bagi cita-cita bersama rakyat pekerja di seluruh dunia. Perjuangan terhadap kekerasan dan untuk mempertahankan keamanan adalah amanat tegas yang diberikan oleh rakyat kepada Parti kami, dan dalam melaksanakannya secara taat setia pihak Parti adalah menyedari tentang tanggungjawabnya terhadap jenerasi akan datang bagi rakyat Soviet.

Rakan-rakan sekalian yang dihormati, pada hari ini kita menjadi saksi — bukan sahaja menyaksikan tetapi juga peserta-peserta yang aktif dalam — peristiwa yang sangat penting dalam sejarah selepas peperangan. Ini adalah detik perubahan dari zaman konfrontasi permusuhan dalam kehidupan antarabangsa, bila ketegangan yang merbahaya boleh memecah dan membawa dunia ke dalam kancah kehancuran perang, ke satu zaman hidup bersama yang lebih stabil dan aman, bagi kerjasama keamanan yang lebih menasabah antara negara-negara sosialis dan kapitalis pada asas faedah bersama dan keselamatan yang setara.

Jalan yang dilalui dari konfrontasi ke arah kerjasama bukanlah suatu yang mudah. Ia memerlukan bukan sahaja usaha tetapi juga masa. Pertanda yang penting di sepanjang jalan ini ialah perjanjian-perjanjian yang ditandatangani dalam tahun-tahun kebelakangan ini di Eropah antara USSR dan FRG (Jerman) antara Poland dan FRG, dan antara sosialis Czechoslovakia dan FRG, dan siri perjanjian-perjanjian mengenai Berlin Barat. Tidaklah mungkin untuk terlampau menganggarkan tentang betapa pentingnya Perjanjian Paris mengenai pemulihan keamanan di Vietnam yang mencatatkan kemenangan bagi perjuangan yang berani bagi rakyat Vietnam. Tindakan-tindakan penting di peringkat antarabangsa, seperti perjanjian bagi mengharamkan senjata-senjata berkuman, atau perjanjian antara Soviet-Amerika mengenai menghadkan senjata-senjata stratej tahun lalu, telah juga memainkan peranan.

Seperti yang tuan semua tahu, kami baharu-baharu ini telah mengadakan rundingan-rundingan dengan wakil-wakil dari negara-negara kapitalis yang terkemuka seperti Amerika Syarikat, Republik Persekutuan Jerman dan Perancis. Dalam rundingan-rundingan kami telah menumpukan terhadap mencari jalan-jalan bagi mengatasi perkara-perkara yang sangat-sangat mustahak menguatkan perubahan-perubahan baik yang telah berlaku dalam hal ehwal dunia dan bagi penubuhan hubungan antara negeri berpandukan prinsip-prinsip yang telah sama kita perjuangkan sejak Revolusi Oktober, sejak zaman Lenin. Mesti juga disebut bahawa kerja yang telah dilaksanakan telah membawa hasil-hasil sebenar dan yang dapat dilihat yang mana sangat berguna kedua-duanya bagi rakyat kami dan bagi semua rakyat di dunia.

Rakan-rakan, marilah kita menimbangkan hal berikut. Bagi hampir 30 tahun selepas letupan-letupan bom nuklear di Hiroshima dan Nagasaki, manusia telah hidup dalam keadaan kesedaran bahawa di sebalik garis pemisahan langit dengan bumi, atau di satu tempat yang lebih dekat, ancaman nuklear sentiasa ada bagi membawa kehancuran. Dalam tahun-tahun ini rakyat yang cintakan keamanan telah menuntut supaya ancaman itu dihapuskan dari alam kehidupan manusia. Pada hari ini akhirnya, kita telah mencapai kemajuan yang sebenarnya ke arah tujuan tersebut.

Sememangnya, adakah mungkin bagi membuat dugaan yang lebih kenyataan bahawa USSR dan Amerika Syarikat, dua kuasa besar yang menyimpan kebanyakan dari senjata-senjata nuklear dunia, telah bersetuju untuk menahan diri dari membuat ancaman atau menggunakan kekerasan ke atas satu sama lain, terhadap negara-negara sekutu masing-masing dan terhadap negara-negara lain, dan bahawa mereka telah bersetuju bertindak supaya mengeneipkan kemungkinan mencetuskan perang nuklear antara mereka atau dengan negara-negara lain? Adalah sebenarnya sukar sekali bagi membuat dugaan yang melampau tentang perkara ini!

Saya telah pun berkata bahawa jika kita menghadkan diri pada satu perjanjian sahaja dengan Amerika Syarikat, iaitu Perjanjian bagi Menghadkan Perang Nuklear, dalam hal ini kita juga telah membuat suatu hasil yang besar.

Kuasa-kuasa kekerasan penjajah sudah pasti tidak akan meletakkan senjata buat masa yang agak lama juga lagi. Masih ada pihak-pihak yang mahu terus mara yang mampu menyemarakkan semangat ketenteraan satu sama lain bagi memenuhi kepentingan-kepentingan mereka yang diupah berbuat demikian. Oleh kerana demikian kami menganggap adalah menjadi tugas suci kami bagi menjalankan dasar kami sedemikian rupa supaya terelak daripada terperangkap dalam keadaan tidak menyedari sebarang darurat dan dengan tegas menumpaskan sebarang cubaan untuk membawa dunia semula kepada hari-hari di mana "perang dingin" berlaku.

Cara yang paling baik sekali bagi mempertahankan keamanan ialah dengan meneruskan secara aktif dasar keamanan kami, untuk meneruskan apa yang orangramai sekarang perjuangan keamanan.

Dalam sidang plenonya dalam bulan April, Jawatankuasa Pusat Parti Komunis Soviet Union telah mengarahkan Biro Politik untuk meneruskan usaha-usahanya yang bersungguh-sungguh bagi melaksanakan Rancangan Keamanan bagi keseluruhannya dan bagi menjadikan perubahan-perubahan menyenangkan yang tidak lagi dapat berpatah balik yang sekarang semakin dirasakan di dalam suasana antarabangsa. Bagi pihak rakan-rakan saya dalam Biro Politik dan Jawatankuasa Pusat, saya ingin menyatakan : "Kami tidak

akan berhenti dari menggunakan setiap usaha untuk melaksanakan "mandat keamanan" ini yang diberi kepada kami oleh Parti dan seluruh rakyat Soviet.

Suatu keadaan yang terdapat pada masa ini ialah bahawa setengah-setengah peruntukan dalam Rancangan Keamanan telah pun, yang sebenarnya, dijalankan, dan bagi menjalankan rancangan-rancangan lain dibuat dengan kadar langkah yang agak segera. Ini telah memaksa kami untuk mengamini satu pandangan baharu terhadap beberapa perkara. Kami sekarang sedang berusaha untuk menentukan matlamat-matlamat baharu dan bidang-bidang baharu bagi dasar kami, dan dengan berusaha ke arahnya, kita akan dapat dengan lebih berkesan lagi mencapai matlamat utama iaitu menguatkan keamanan dan mengujudkan keadaan hidup bersama yang aman sebagai satu kaedah yang tidak dapat diketepikan langsung di bidang hubungan antara negeri-negeri.

Rakan-rakan sekalian sudah tentu tahu bahawa, seperti juga yang telah terjadi di masa lalu, perhatian utama kita ialah untuk meneguhkan hubungan persahabatan dengan negara-negara sosialis.

Parti dan semua rakyat kami memperoleh rasa puas hati yang sebenarnya dari kenyataan bahawa rakan-rakan Parti; yang kekal dan rakyat-rakyat dari negara-negara sosialis sedang berusaha secara bersungguh-sungguh di samping kami bagi menguatkan lagi perubahan baik dalam bidang hal ehwal dunia sekarang.

Kerjasama ketenteraan kita dan sokongan kita yang disatukan telah menolong rakyat Vietnam yang berani untuk mencapai kemenangan. Tindakan-tindakan bersama kami telah meramalkan kemajuan-kemajuan dinamik di Eropah yang telah membawa kepada berlangsungnya sidang negara-negara di Eropah. Kami yakin bahawa pengukuhan perpaduan kita adalah persediaan-persediaan awal yang utama bagi kemajuan yang seterusnya di bidang hubungan seluruh bidang antarabangsa. Pada masa ini kami sedang mencari langkah-langkah yang kukuh bagi menguatkan lagi perpaduan di kalangan negara-negara sosialis.

Tambahan pula, seperti juga yang telah kami lakukan di masa lalu, kami akan memberi tumpuan yang besar bagi

memajukan lagi hubungan-hubungan kita dengan kuasa-kuasa pemb[^]basan kebangsaan, dan dengan negara-negara baharu di Asia dan Afrika yang telahpun mengikut landasan ke arah keamanan, sekarang sedang berusaha mengukuhkan kemerdekaan dan memajukan pembangunan ekonomi dan sosialnya.

Seperti yang kami dapat lihat, salah satu dari tugas yang sangat penting pada masa ini ialah bagi menghapuskan pusat tumpuan kekerasan di Timur Tengah. Pihak yang mengamalkan kekerasan, iaitu golongan yang sangat berani mencuba-cuba tidak lagi boleh dibenarkan untuk terus membiarkan seluruh kawasan itu dalam keadaan tegang yang bila-bila masa sahaja boleh meletup. Hak-hak rakyat Arab, yang telah dijadikan mangsa-mangsa kekerasan, mesti dijamin sepenuhnya. Askar-askar Israel mesti diundurkan dari semua wilayah-wilayah Arab yang didudukinya. Keamanan, keselamatan serta sempadan-sempadan semua negara-negara di Timur Tengah mesti dijamin. Bagi pihak kami, kami akan terus berpegang dengan kuatnya terhadap dasar ini.

Kami menganggapnya penting bahawa langkah-langkah baharu hendaklah juga diambil bagi meneguhkan hubungan-hubungan persahabatan dengan negeri-negeri Latin Amerika, terutama sekali dengan mereka yang bekerja secara aktif untuk keamanan dan kebebasan rakyat-rakyat.

Kami mengetahui sepenuhnya dan sentiasa memikirkan bahawa bersama-sama dengan rakyat-rakyat dari negara-negara sosialis, rakyat-rakyat di Asia, Afrika dan negeri-negeri Latin Amerika menjadi satu kumpulan yang penting, jika hendak berkata demikian, daripada pasukan tentera keamanan dalam hubungan antarabangsa. Kita bersama-sama telah mencapai suatu yang agung, dan kami sekarang yakin bahawa cara-cara kami ini tidak akan berpecah. Soviet Union, di pihaknya, akan bersedia mengambil semua langkah-langkah perlu bagi meneguh dan memajukan kerjasama kita.

Dalam masa hadapan yang singkat, terdapat banyak yang kita perlu lakukan bagi memajukan hubungan dengan Amerika Syarikat, Perancis, FRG, Jepun dan negara-negara lain dalam dunia kapitalis. Adalah perlu bagi

menguatkan apa yang telah dicapai dalam bidang memperbaiki hubungan kita dan untuk mengambil langkah-langkah baharu yang berkesan bagi mendalam dan meluaskan rangka kerjasama kita yang memberi faedah bersama berpandukan asas prinsip-prinsip hidup bersama secara aman. Sudah pasti, terutama sekali kita perlu melibatkan diri dengan pelaksanaan sepenuhnya dan secara praktikal segala perjanjian dan persetujuan-persetujuan yang sekarang telah dikuatkuasakan. Sebenarnya kedua ini adalah syarat dan alasan awal bagi kemajuan yang lebih lanjut.

Di Eropah, tugas yang paling segera ialah bagi membawa persidangan negara-negara Eropah kepada satu keputusan yang telah bermula dengan jayanya. Kami menganggap bahawa ini mesti dilakukan dalam masa yang paling singkat yang boleh, tanpa sebarang kelengahan yang disengajakan. Tambahan pula, kami yakin bahawa rangka "Peristiharan Umum mengenai Asas-Asas Keselamatan Eropah dan Prinsip-Prinsip Hubungan Antara Negeri-Negeri di Eropah, yang dikemukakan di Helsinki oleh Soviet Union dengan persetujuan dari negara-negara yang kekal, dan cadangan-cadangan yang dibuat oleh sahabat-sahabat kami dan negara-negara sekutu dengan persetujuan kami telah menjadi satu alat berkesan bagi mencapai tujuan bersejarah untuk menukarkan Eropah supaya menjadi satu benua yang mencapai keamanan yang kekal. I

Rakan-rakan sekalian, kami telah memberi perhatian yang sewajarnya, juga terhadap soal-soal yang ada kaitan dengan berbagai-bagai aspek dasar meletakkan senjata. Kami yakin sepenuhnya bahawa persefahaman politik di Eropah mesti disejajarkan pula dengan pengenduran tentera. Rundingan-rundingan Soviet-Amerika mengenai menghad dan kemudian mengurangkan senjata-senjata strateji hendaklah diteruskan. Kami berharap kemajuan akan dicapai juga diperbincangan-perbincangan Bangsa-Bangsa Bersatu di Geneva mengenai banyak perkara pelucutan senjata yang luas.

Pendeknya, terdapat banyak tugas, tugas yang mustahak, yang perlu dilakukan, mustahak bukan sahaja bagi rakyat Soviet tetapi juga bagi semua manusia.

Rakan-rakan sekalian yang dihormati, sebagai rakyat

Soviet kami tidak dapat tidak merasa bangga bahawa negara Soviet kamilah, yang telah menukarkan perintah Lenin supaya menjadi kenyataan, telah menjadi sebuah negara yang sedang menunjukkan kepada semua manusia jalan menuju keamanan yang kekal.

Perasaan ini adalah berasaskan kepada tunjang yang dalam dan kukuh. Dasar luar CPSU mengenai keamanan ialah yang sebenarnya pernyataan dari hasrat dan hasil dari usaha-usaha berjuta-juta orang yang dikenal sebagai rakyat Soviet. Satu sumbangan terhadap kejayaan yang bersejarah bagi dasar itu telah dibuat oleh semua rakyat Soviet — lelaki-lelaki dan wanita-wanita, tua dan muda; mereka yang membuat besiwaja dan mereka yang menanam biji-bijian; mereka yang bertugas di makmal-makmal dan mereka yang memakai pakaian-pakaian tentera; mereka yang mengajar anak-anak kami dan mereka yang menjaga kesihatan rakyat kami. Setiap orang dari rakyat ini adalah pekerja yang dedikasi terhadap tugas dan perlu diberi penghargaan yang tinggi kerana kejayaan-kejayaannya di bidang perburuhan dan peperangan.

Tugas kami di bidang antarabangsa sedang mengujudkan suasana keamanan yang mana diperlukan bagi perburuhan yang membina untuk rakyat Soviet. Sebagai ikutan dari ini, hasil-hasil dari perburuhan ini telah terangkum dalam kekayaan negara yang berlipatganda dan mungkin menghasilkan taraf hidup yang lebih tinggi dan juga di peringkat kebudayaan bagi rakyat Soviet, dan ia menjadi asas yang kukuh untuk kegiatan-kegiatan dasar luar Parti.

Bergerak bersama dengan kami dalam kumpulan yang sama adalah rakan-rakan kami yang sebenar — rakyat-rakyat negara sosialis, saudara-saudara kami yang satu keturunan — kominis dari seluruh dunia, mereka yang berjuang bagi keamanan dan kemajuan di bumi. Kami dengan ikhlasnya berterimakasih terhadap semua sahabat-sahabat kami kerana sokongan mereka yang kuat, kerana ini telah memberikan kami kekuatan dan keyakinan bahawa kami telah memilih jalan yang betul.

Kami ingin memberi jaminan rakan-rakan kami bahawa dasar kami akan sentiasa disatukan dengan kepentingan-kepentingan kebangsaan negara Soviet, sambil menimbang-

kan kepentingan semua golongan pekerja dari semua negara, dan bersama-sama dengan kepentingan-kepentingan semua yang berjuang untuk kebebasan, kemerdekaan, demokrasi dan dasar sosialis. Pada hari ini, seperti juga dengan masa lalu, kami telah menganggap bahawa adalah menjadi tugas kita yang suci bermula dari kepercayaan komunis kami, dari moral sosialis kami, untuk memberi segala sokongan yang mungkin kepada rakyat-rakyat yang berjuang semata-mata untuk kebebasan. Ini telah sentiasa berkeadaan demikian, dan ia akan terus demikian bagi masa akan datang.

Rakan-rakan dan sahabat-sahabat yang dihormati, hari ini adalah suatu ketika yang penting dan gembira sekali dalam hidup saya sendiri. Adalah benar, seperti yang tuan boleh lihat bahawa saya pada hari ini saya telah menyebut tentang perasaan-perasaan peribadi saya tetapi juga hal ehwal bersama kita, tentang keadaan-keadaan di masa lalu dan masa akan datang kita yang sama. Saya tidak boleh berbuat sebaliknya, kerana seumur hidup saya, daripada masa muda, telah ditumpukan terhadap Parti, terhadap kerja-kerjanya dan apa yang diberi perhatian berat olehnya.

Selepas saya dianugerah Hadiah Lenin, saya telah menerima ucapan-ucapan tahniah dari orangramai. Dengan hati yang ikhlas saya mengucapkan terimakasih kepada setiap orang yang telah mengirimkan ucap-ucap selamat itu. Dengan sepenuh hati saya mengucapkan terimakasih kerana ucapan-ucapan ikhlas dan baik dan perkataan-perkataan gembira yang diucapkan di dewan ini. Saya sangat merasa terharu dan bangga dengan kejujuran yang terdapat dalam perasaan semasa mengucapkannya.

Dalam menerima Hadiah Keamanan Lenin, saya ingin memberi jaminan kepada Parti, Rakyat Soviet dan rakyat yang mempunyai fahaman muhibbah di mana-mana bahawa saya akan terus berbuat apa sahaja dalam kuasa saya bagi mencapai matalamat yang sangat menarik dan berperikemanusiaan — matalamat yang dinyatakan dalam setiap hadiah yang diberi kepada saya, iaitu bagi mengukuhkan keamanan di kalangan negara-negara.

